

# ALBANIA, NEGARA ISLAM YANG DICENGKAM KOMUNIS

Di tepi laut “Adriatik” iaitu bersempadan dengan Yugoslavia dan Greece teletak negara Albania.

Orang-orang Albania atau “*Al-Arnāwi’i*” adalah berasal dari keturunan “Alirat” suatu bangsa tua yang menduduki kawasan Balkan yang berbalik sejarahnya kira-kira tujuh kurun sebelum Masihi.

Dalam masa penduduk Eropah hidup bersuku-suku dan hidup secara jakun maka orang-orang Albania telah pun bertamadun dan mempunyai susunan masyarakat yang teratur lagi adil dan mempunyai kekuatan yang besar- walaupun mereka sedikit jumlahnya- sehingga pernah menyerang pantai-pantai negara Rom dan balik membawa rampasan-rampasan peperangan.

\*

Zaman beredar masa berputar, kerajaan Albania yang gagah perkasa mulai lemah dan akhirnya telah diserang oleh orang Roman dan rajanya “Cony” telah ditawan lalu dihantar ke bandar Rom.

Setelah puas menderita tindasan dari penangan penjajah Roman dan setelah puas pula merasakan penjajah penangan mereka (orang-orang Albania) yang putus-putusnya maka akhirnya pada kurun Masihi yang ketujuh orang-orang Roman telah memandang kedudukannya di Albania adalah berbahaya dan tidak diharap akan mendatangkan faedah, lalu mengambil keputusan hendak meninggalkan Albania. Mereka pun keluarlah dari negeri itu setelah menjadikannya padang tekukur.

\*

Dalam kurun yang kelima belas maka dengan takdir dan inayah Tuhan bangsa-bangsa yang menduduki kawasan Balkan mulai memasuki suatu peringkat hidup yang baharu dan menyaksikan suatu perubahan besar dalam kehidupannya, dalam kemerdekaan dan akidahnya, dalam pandangannya kepada dunia dan dalam pengetahuannya menilai hidup. Tuhan Azza wa Jalla telah mentakdirkan yang demikian dan meletakkan kuasa

melaksanakannya kepada Sultan-sultan Turki iaitu Sultan-sultan Murad, Mahmud dan lain-lain. Setelah mengalami perperangan yang telah mengambil masa dua puluh tahun maka akhirnya jatuhlah Albania sebagaimana lain negeri-negeri Balkan ke tangan kerajaan Uthmaniah Turki. Dengan perantaraan orang-orang Turki yang berjiwa Islam maka orang-orang Albania pun berpasuk-pasuk memeluk Islam! Kejadian yang beriwayat ini berlaku dalam tahun 1480.

Terpancarlah Islam sinar menyinar menerangi negeri Albania dan dengan itu tepatlah janji Tuhan bahawa Islam akan mengembangkan sayapnya di segenap pelosok dunia, sehingga penduduk Albania yang beragama Islam telah menjadi 65 peratus pada hari ini.

Albania telah berbakti kepada kerajaan Uthmaniah Turki dengan hati dan imannya, dengan kebaikan dan anak-anak mudanya, dengan ahli-ahli pengetahuan dan bijak pandainya. Maka dengan itu kedapatan di dalam kerajaan Uthmaniah Turki orang-orang Albania yang menjadi panglima-panglima perang yang terkenal, ahli-ahli siasah yang masyhur dan pengarang-pengarang besar, seperti “Queerlee” dan “Sami Frasher” pengarang kamus “Al-Alam” iaitu semasyhur-masyhur kamus berkenaan “geografi dan sejarah” pada zamannya. Askar-askar Albania telah sampai ke segenap pelosok negara Islam, dan mayatnya telah dikebumikan di negeri-negeri yang tidak dikenalnya dan tidak mengenalnya melainkan dengan kalimah “*Lā ilaha illa Allāh*”. Mereka juga telah memijak negeri-negeri kafir berperang kerana mempertahankan Islam

sambil melagukan kata-kata yang bersemangat: Tibalah kami ke tanah “Bulga” semata-mata kerana berjuang fi sabil allāh dan taat kepada titah Sultan.

\*

Pada tahun 1912 kerajaan Uthmaniah Turki telah terpaksa keluar meninggalkan Albania kerana tidak dapat bertahan lebih daripada itu, bahkan kerana anak negeri Albania juga tidak menghendaknya tinggal di tanah air mereka lebih daripada itu.

Semenjak 28 November 1912 menjadilah Albania sebuah negara Islam yang merdeka, tegak berdiri di Benua Eropah. berdengung suara azan di dalamnya lima kali sehari mengucapkan Allāhu Akbar....*Haiyyā ala al-ṣālat!*

Setengah orang memandang dan berasa pelik bagaimana sebuah kerajaan Islam boleh berdiri di tengah-tengah dunia Kristian mengurus segala urusan hidupnya dengan sendiri, manakala Islam pula mendapat setinggi-tinggi rukyah dan kehormatan di dalamnya.

Sebelum tahun 1937 Albania terkenal sebagai sebuah kerajaan bagi suatu umat yang sangat-sangat kuat berpegang kepada perintah dan ajaran Islam, penuh tenu dengan masjid-masjid dengan menara-menaranya yang tinggi indah, sekolah-sekolah agama yang bertaburan di sana sini, dan alim ulama besar seperti al-Haji Wahabi Dibra. al-Haji Yusuf Qalmandi. al-Haji Sulaiman Ghodaji dan lain-lainnya. Tetapi malangnya peperangan dunia yang kedua telah menjadikan Albania yang tenang tenteram salah sebuah medan

*Kulit tuan mempunyai kecantikan semulajadi hanya bila dia sihat*

Tiap-tiap perempuan berkata "Saya mahu kulit kita yang cantik" keadaan tabii berkata jagalah kulit awak sentiasa sihat kelak cantiklah kulit awak. Ini jalan yang senang sekali!

Rexona adalah sabun yang senang sekali bagi menjaga kesihatan kulit mengikut kehendak semulajadi.

Rexona bercampur dengan cadyl yang mempunyai kuasa melicin, melembut dan memberi kulit bercahaya.

Bau sabun Rexona cukup wangi dan buihnya sangat menyegarkan. Awak tentu suka menggunakanannya. Awak akan dapat kecantikan semula jadi- dengan menggunakan Rexona.

Sabun Rexona

\*bercampur dengan cadyl

Cadyl suatu campuran yang khas bagi Rezona ialah suatu tanda kepunyaan perniagaan kami dikhaskan bagi nama sesuatu campuran minyak yang berkhasiat membunuh kuman dan menyembuhkan penyakit kulit. Ia sangat penting bagi menjaga kesihatan kulit kamu.

x-4/6 - 1225-50

perang dan akhirnya setengah penganjur yang khianat telah mengikat maslahat negara Islam dengan roda berwang merah yang telah membawanya kepada kebinasaan.

Pada 29 November 1944 Albania telah bersalin kulit menjadi sebuah negara komunis, dipimpin oleh pertanda-pertanda penumpah darah, di dalam tempat-tempat penyembelihan “yang berupa mahkamah-mahkamah” yang tidak bertolok banding di dunia ini.

Elok juga diberi suatu contoh di sini bagaimana kejamnya golongan yang tidak mempunyai peri kemanusiaan itu:

Dalam suatu pertempuran, seorang pahlawan Islam telah gugur di tengah-tengah medan dengan luka parahnya. Iapun ditangkap dan dihantarkan ke hospital untuk dirawat. Setelah sembah lukanya maka iapun dibicarakan lalu dijatuhan hukuman bunuh ke atasnya dengan tidak diberi peluang membela dirinya. Walaupun telah dijatuhan hukuman bunuh tetapi itu belum lagi memuaskan pihak pemerintah yang kejam itu bahkan orang yang telah menjadi mangsa mereka itu telah diazab terlebih dahulu dengan berbagai caranya.

Tentang kecerobohan mereka masjid-masjid, alim ulama, dan penganjur-penganjur Islam maka rasanya tidak payah disebutkan satu persatu kerana telah masyhur diketahui keganasan dan kekejaman golongan yang buas itu.

\*

Albania sedang menerima sebesar-besarnya tindasan di dalam agama Islam yang dianutnya!

Tetapi.....Perkara yang batil itu tidak akan berkekalan, dan kemaharajaleaan serta kekejaman itu lambat bangat akan hancur lebur juga, rakyat Albania yang berjiwa merdeka akan mengembalikan tanah air mereka sebagaimana keadaannya yang asal, dan akan berkibaran panji-panji Islam di atas sambil membaca firman Allah Taālā, maksudnya:

“Allah telah menjinkan orang-orang yang beriman dan beramal

salih daripada kamu, akan menjadikan mereka itu khalifah di bumi sebagaimana ia telah menjadikan orang-orang yang terdahulu daripada mereka khalifahnya, dan ia akan menetapkan dengan kukuhnya agama mereka yang ia telah pilihkan bagi mereka, dan ia akan menggantikan ketakutan mereka dengan keamanan, (sambil berfirman lagi): mereka itu menyembah aku dan tidak menyekutukan daku dengan sesuatu jua pun.”

Albania akan kembali sekali lagi menjadi suatu colok daripada nur Islam menyinari segenap pelosok benua Eropah yang gelap gelita dan sesat barat itu!

“Allahu akbar” seruan kebenaran akan terpancar dari menara-menaranya berdengung-dengung di udara Albania negara yang berjiwa Islam!

Sekian bunyinya harapan yang penuh dengan azam yang terbit dari hati seorang rakyat Albania –al-‘Alim al-Faḍil al-Ustaz Wahabī Sulaimān al-Albānī yang tersiar di dalam majalah “Al-Muslimun”.

## Membetulkan Kekhilafan

Dalam keluaran ini terdapat sedikit kekhilafan diharap pembaca-pembaca memerhatikannya.

Pada muka 12 ruangan kedua barisan 19 dari atas perkataan “memikirkan, hendaklah dibaca menyingkirkannya”. Muka 13 ruangan pertama barisan 19 dari atas perkataan “Khasyiah” hendaklah dibaca “khasiat” dan pada barisan 20 muka dan ruangan itu juga perkataan “pula” hendaklah dibawa “qula”.

Muka 29 ruangan kedua berisan 18 dari atas perkataan “atas orang” hendaklah dibaca “tegahan membuat aniaya atas orang....

Muka 35 ruangan kedua barisan 15 dari atas perkataan “yang ditentukan” hendaklah dibaca “yang ditentukannya.”